



# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Semakan Semula Separuh Penggal  
Rancangan Pengurusan Hutan (RPH)  
Negeri Perak 2016 – 2025**

**Untuk  
Jabatan Perhutanan Negeri Perak**

**Disediakan Oleh**



**UPM CONSULTANCY & SERVICES**  
WHOLLY OWNED BY UPM HOLDINGS SDN BHD

**2021**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan hutan yang sedang dilaksanakan adalah tertakluk kepada Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri Perak (2016–2025). Penyediaan RPH adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 2(1) Akta Perhutanan Negara (1984). Dokumen Rancangan Pengurusan Hutan ini adalah penting bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) dalam memelihara, memulihara, mentadbir dan mengurus hutan secara lestari di peringkat negeri.

Di dalam tempoh pelaksanaan RPH (2016–2020) secara keseluruhan, JPNPk telah dapat melaksanakan dengan cemerlang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan yang perlu diberi perhatian khusus dalam tempoh 2021-2026. Di samping itu, JPNPk menghadapi pelbagai cabaran dalam memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan mengikut rancangan yang ditetapkan dengan tersusun dan teratur. Dalam tempoh perlaksanaan separuh penggal RPH, terdapat beberapa kekangan khususnya pada tahun 2019-2021 seperti berlakunya pandemik global COVID-19 yang telah menjadikan perancangan dan kerja-kerja operasi di lapangan. Di samping itu, terdapat kekangan peruntukan kewangan yang mempengaruhi perlaksanaan RPH.

Di dalam konteks ini, kerajaan telah meluluskan Dasar Perhutanan Malaysia 2020 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020 yang memerlukan perhatian yang terperinci dalam menyusun semula matlamat, objektif dan strategi jabatan selaras dengan dasar tersebut. Dalam tempoh separuh penggal perlaksanaan RPH Perak, JPNPk telah mengambil beberapa inisiatif dan projek-projek perintis dalam mengukuhkan keberkesanan perlaksanaan pengurusan hutan. Di antara pencapaian yang penting dan yang membanggakan adalah seperti berikut:

### 1. Kestabilan Keluasan Hutan Simpan Kekal

Daripada jumlah keluasan tanah negeri 2,114,632.00 hektar adalah didapati kawasan berhutan seluas 1,010,570.50 hektar. Daripada keluasan kawasan berhutan tersebut, sejumlah 987,632.43 hektar adalah Hutan Simpan Kekal yang meliputi 46.7% daripada keluasan negeri. Keluasan HSK di Negeri Perak dari tahun 2016–2020 berada dalam keadaan stabil.

## 2. Pematuhan kepada Catuan Tebangan Tahunan

Bagi tempoh 2016–2020, catuan tebangan tahunan (CTT) yang diluluskan di dalam RMK-11 adalah seluas 38,720 hektar. Daripada jumlah tersebut, 36,141 hektar sahaja yang telah diluluskan untuk pengusahasilan. Pematuhan CTT amat penting bagi menjamin pengeluaran kayu secara lestari.

## 3. Pengelasan Fungsi Hutan

JPNPk telah mengambil tindakan mengelaskan fungsi hutan mengikut Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Kelas-kelas fungsi hutan adalah Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Tebus Guna Tanah, Hutan Kawalan Banjir, Hutan Tadahan Air, Hutan Perlindungan Hidupan Liar, Hutan Simpanan Hutan Dara, Hutan Lipur, Hutan Penyelidikan, Hutan Pelajaran, Hutan Bagi Maksud-Maksud Persekutuan dan Hutan Taman Negeri. Namun begitu, terdapat pertindihan keluasan kawasan antara kelas-kelas fungsi hutan di mana pertindihan data ini memberi kesan kepada jumlah keseluruhan kawasan hutan perlindungan. Walau bagaimanapun, terdapat pertambahan kawasan hutan tadahan air yang telah meningkat daripada 159,866 hektar pada tahun 2015 kepada 295,400 pada tahun 2020.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah bersetuju membuat pengelasan semula bagi Kompartmen 299 dan 300, Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hulu Perak seluas 664.59 hektar yang sebelum ini dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Penyelidikan mengikut Seksyen 10 (1)(j), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 kepada Hutan Pengeluaran mengikut Seksyen 10 (1)(a), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga telah bersetuju meminda dan menukar masuk kawasan ini seluas 664.59 hektar ke dalam Sebahagian Kompartmen 14, 15, 16, 17 & 18 di Hutan Simpan Temengor, Daerah Hulu Perak sebagai Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Penyelidikan mengikut Seksyen 10 (1)(j), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah bersetuju membuat pengelasan semula bagi Sebahagian Kompartmen 14, 15, 16, 17 & 18 Hutan Simpan

Temengor, Daerah Hulu Perak seluas 2,000 hektar yang sebelum ini dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran mengikut Seksyen 10 (1)(a), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 kepada Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Penyelidikan mengikut Seksyen 10 (1)(j), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah bersetuju membuat pengelasan semula bagi Kompartmen 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 64, 66, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74 & 75 Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung seluas 1,735.50 hektar yang sebelum ini dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran mengikut Seksyen 10 (1)(a), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 kepada Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Perlindungan Tanah mengikut Seksyen 10 (1)(b), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah bersetuju akan mengekalkan Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR) dan bagi maksud Hutan Lipur serta bagi maksud Hutan Pelajaran di Kompartmen 61, 62, 63, 64, 65, 67, 76 dan 77 Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung seluas 435.77 hektar yang menjadikan keseluruhan Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR), Hutan Lipur dan Hutan Pelajaran mengikut Seksyen 10 (1)(g)(h) dan (i) di Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung seluas 2,171.27 hektar.

Setelah mengambil ketetapan di atas keputusan dan kelulusan dasar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bilangan 1992 bertarikh 20 Mei 2020, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak sedang mengambil tindakan untuk mewartakan Kompartmen 40, 41, 42, 43, 44, 45 dan 46 Hutan Simpan Bukit Larut seluas 3,264 hektar kepada Hutan Simpan Di Raja Bukit Larut, Daerah Larut & Matang. Kawasan yang terlibat bagi perwartaan ini adalah dikekalkan pengelasannya sebagai Hutan Perlindungan bagi maksud Hutan Perlindungan, Tanah Hutan Tadahan Air, Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR), Hutan Lipur, Hutan Pelajaran dan Hutan Penyelidikan mengikut Seksyen 10 (1)(b)(e)(g)(h)(i) dan (j) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

#### **4. Pensijilan Pengurusan Hutan**

JPNPk telah berjaya mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi Hutan Simpanan Kekal di Negeri Perak Darul Ridzuan di bawah *Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)* bagi tempoh 11 Julai 2019 hingga 31 Mei 2024. Bagi tahun 2020, proses pengauditan di Negeri Perak telah menggunakan piawaian MC&I terkini iaitu MC&I(SFM) bagi menggantikan MC&I (Hutan Lipur). Secara keseluruhan, pencapaian ini adalah membanggakan dalam usaha untuk menjamin pengurusan hutan secara lestari di Negeri Perak.

#### **5. Bayaran bagi Perkhidmatan Ekosistem Hutan (PES)**

##### **5.1 Perak Mini Hidro**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengambil inisiatif bagi mengadakan rundingan dengan syarikat pemaju *Perak Hydro Renewable Energy Corporation (PHREC)* bagi memperolehi bayaran perkhidmatan ekosistem hutan khususnya bagi memelihara dan memuliharakan hutan tадahan air di kawasan-kawasan hidro mini yang dibangunkan oleh *PHREC*. Dalam hubungan ini, JPNPk sentiasa memastikan kualiti dan kuantiti sumber air bersih untuk penjanaan hidro mini secara lestari. Bagi perkhidmatan ekosistem hutan tersebut, JPNPk menerima bayaran secara sukarela berdasarkan keuntungan syarikat dengan pendapatan sebagai hasil negeri. Pada masa ini, sebanyak 25 projek hidro mini dikendalikan oleh *PHREC* di dalam hutan simpan kekal

##### **5.2 Perak Oxygen Land Bank (POLB)**

Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak sedang mempergiatkan program pemeliharaan dan pemulihan hutan untuk merealisasikan konsep 'Perak Bumi Lestari' dan 'Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030' serta meningkatkan kualiti dirian hutan. Ini ialah salah satu inisiatif pihak Jabatan bagi merealisasikan komitmen kerajaan dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan dilitupi pokok sepertimana yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Secara amnya, *POLB* yang merealisasikan konsep 'Perak Bumi Lestari' dan 'Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030' ini ditawarkan kepada badan korporat, syarikat swasta, *Non-Government Organization* (NGO) dan individu yang berminat melalui pendekatan *Corporate Social Responsibility* (CSR). Program ini berpotensi menjana hasil baharu kepada Kerajaan Negeri dan mengurangkan kebergantungan kepada pengusahasilan hutan, seterusnya meningkatkan imej Kerajaan Negeri Perak.

*POLB* adalah program jangka panjang (*long term programme*) di mana ia yang telah diwar-warkan kepada orang awam semenjak tahun 2018 dan dirasmikan oleh mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pada 20 November 2019.

Pemilihan nama *POLB* adalah bertepatan dengan fungsi pokok yang menghasilkan lebih banyak oksigen dan udara segar dengan meningkatkan kawasan hijau atau litupan pokok melalui aktiviti penanaman pokok baharu. Pokok sediada ditawarkan kepada pihak swasta sebagai pokok angkat untuk dipelihara bagi tempoh tertentu dengan dikenakan sejumlah bayaran.

## **6. Pemantauan dan Penguatkuasaan**

### **6.1 Pusat pemantauan sumber hutan (*War Room*)**

Pusat pemantauan sumber hutan atau *War-Room* telah ditubuhkan pada tahun 2019 dan dilengkapi dengan Sistem eGP (e-Geospatial Perhutanan) bagi memantau sebarang perubahan kepada dirian hutan khususnya aktiviti penerokaan hutan dan pembalakan haram serta membantu untuk memberikan gambaran komposisi hutan semasa melalui imbasan imej satelit daripada Sistem G/S. Bagi meningkatkan kecekapan dan ketepatan maklumat yang diperoleh, bagi tahun 2020, pembelian satu set komputer berspesifikasi tinggi untuk kegunaan Unit G/S dan pembangunan fasa kedua *war room* telah dilaksanakan.

### **6.2 Pasukan Dron (*Hawk Eye*)**

Pasukan dron (*Hawk Eye*) ialah salah satu inisiatif Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang telah ditubuhkan pada tahun 2016 bagi melaksanakan aktiviti risikan dengan menggunakan pesawat kawalan jauh (dron) bagi mendapatkan

maklumat awal sebelum suatu operasi penguatkuasaan dijalankan. Anggota pasukan khas ini telah dilatih dan menghadiri Kursus Pengendalian dan Penyelenggaraan Dron.

### **6.3 Pemantauan Udara melalui Helikopter**

Bagi tujuan pemantauan dan pengesanan aktiviti pembalakan haram serta pencerobohan hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak melaksanakan satu kaedah penguatkuasaan melalui pemantauan udara menggunakan helikopter. Aktiviti pemantauan udara dirancang dan diatur oleh Unit Operasi dan Penguatkuasaan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

### **6.4 Pasukan *Quick Response Team (QRT)* Jabatan Perhutanan Negeri Perak**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga telah menggerakkan Pasukan *Quick Response Team (QRT)* dan *Forest Road Team (FRT)* bagi melaksanakan pemantauan dan rondaan di darat terutama dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Perak bagi mengesan dan memastikan tiada berlakunya sebarang aktiviti pembalakan haram, perlanggaran dalam syarat lesen, pencerobohan hutan ataupun penerokaan secara haram di dalam Hutan Simpanan Kekal.

Pasukan *Quick Response Team (QRT)* telah ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai langkah kepada pemerkasaan pematuhan Audit MC&I (Hutan Asli) yang dijalankan oleh Pihak SIRIM QAS di Negeri setiap tahun. Pasukan ini terdiri daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah (PPHD), Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Gred G29, Pengawas Hutan Gred G19, Pembantu Awam Gred H11 dan Pemandu Gred H11.

Setiap pasukan diketuai oleh seorang (1) Penolong Pegawai Hutan Daerah (PPHD), seorang (1) Penolong Pemelihara Hutan/Renjer, dua (2) orang Pengawas Hutan, seorang (1) Pembantu Awam dan seorang (1) Pemandu Kenderaan. Kesemua pasukan ini melibatkan anggota Pejabat Renj Hutan (PRH) Daerah dan satu (1) pasukan Seksyen Penguatkuasaan Hutan. Pemilihan setiap anggota pasukan ditentukan oleh Ketua Pasukan (KP) masing-masing berdasarkan kepada Surat Arahan Pelaksanaan *QRT*. Setiap Pasukan *QRT* ini diselaras dan dipantau oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan

bagi melicinkan proses perlaksanaan. Seksyen ini akan mengumpul dan menyelaras laporan setiap pasukan berdasarkan kepada jadual semakan di lapangan bagi tujuan tindakan selanjutnya oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan.

Tujuan utama pasukan ini ditubuhkan adalah untuk membuat semakan secara silang (*cross-checking*) terhadap kawasan-kawasan pengusahasilan yang aktif selaras dengan Kriteria dan Petunjuk yang telah ditetapkan dalam piawaian MC&I (SFM). Pasukan QRT akan dijadualkan penugasan mengikut setiap suku tahun yang diselaraskan oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan. Antara unsur semakan yang dijalankan meliputi Semakan Sempadan, Semakan Pokok Tebangan, Semakan Jalan Sekunder (JS), Semakan Jalan Tuju (JT), Semakan Lorong Penarik (LP), Semakan Zon Penampan (*Buffer zone*), Semakan Tag Tebangan Pokok Jalan dan Semakan Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) dan lain-lain lagi.

Setiap pasukan dikehendaki menyediakan laporan penuh mengenai semakan kawasan pengusahasilan ke Pentadbiran ini dalam tempoh lima (5) hari selepas semakan dibuat untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, setiap pelaporan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Hutan (JKPOH) Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Dato' Pengarah Perhutanan Negeri/Timbalan Pengarah Operasi bagi membincangkan sebarang penemuan kesalahan hutan dan seterusnya mengambil tindakan di bawah APN 1984.

## **6.5 Operasi Bersepadu Khazanah (OBK)**

Program Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) ialah satu inisiatif di bawah kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bersama-sama pelbagai agensi kerajaan termasuklah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dalam usaha mengekalkan kepelbagaiannya biologi negara. Program usahasama ini adalah titik tolak daripada kempen ‘Selamatkan Harimau Malaya’ yang telah dilancarkan pada 3 September 2019 di PGA Batalion ke-3, Bidor, Perak.

OBK yang dilancarkan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanannya dalam membanteras segala bentuk aktiviti pemburuan haram, penyeludupan hidupan liar, pencerobohan hutan, pembalakan haram dan lain-lain melibatkan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan. Kerjasama strategik ini akan diterus dan diperkuatkan bagi menjaga khazanah kepelbagaian biologi negara yang tidak ternilai.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah terlibat secara langsung di dalam OBK bermula pada November 2019 hingga kini dan tahun seterusnya. JPNPK diletakkan di bawah OBK bagi Zon Utara yang diselaraskan oleh Jabatan PERHILITAN Negeri Perak. OBK yang dijalankan ini melibatkan agensi daripada Pasukan Gerakan Am (PGA), PERHILITAN, JPNPK, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP).

OBK dijalankan pada setiap bulan dan lokasi yang berbeza (*hot-spot*) dengan melibatkan jumlah hari di antara 14 hari ke 18 hari di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK). OBK memberi tumpuan sepenuh masa di dalam kawasan hutan dengan penglibatan anggota yang akan menjalankan rondaan berjalan kaki selama sekurang-kurangnya 14 hari serta pasukan rondaan subteks. Anggota terlibat akan diberikan taklimat dan panduan oleh pihak penyelaras sebelum memulakan operasi. Kakitangan JPNPK yang menyertai OBK merupakan kakitangan yang telah dipilih dari setiap Pejabat Hutan Daerah dan Seksyen di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Kakitangan yang dipilih bagi menyertai operasi ini juga adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan iaitu antaranya mestilah mempunyai kesihatan yang baik, ketahanan mental dan fizikal serta berpengalaman dalam aspek penguatkuasaan dan pengurusan hutan.

Pelaksanaan OBK ini telah menghasilkan beberapa pencapaian yang amat baik sepanjang operasi ini dijalankan di mana antaranya ialah penemuan aktiviti kesalahan jenayah hutan melibatkan aktiviti pemburuan hidupan liar secara haram, pencerobohan hutan di dalam HSK dan juga kecurian hasil khazanah hutan yang lain iaitu gaharu, herba, buluh, rotan dan lain-lain lagi. Bagi perlaksanaan OBK di Negeri Perak, pasukan OBK telah berjaya mengesan beberapa aktiviti kesalahan hutan yang melibatkan kesalahan

mengambil hasil hutan tanpa kebenaran iaitu kayu gaharu, memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) tanpa kebenaran dan pencerobohan hutan. Kesemua tertuduh yang telah ditangkap, didakwa dan dijatuhan hukuman berdasarkan keputusan Mahkamah Sesyen dan beberapa kes lagi akan didakwa di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

#### **6.6 Pelaksanaan Program Perlindungan Kepelbagai Biologi Dan Rondaan /*Biodiversity Protection And Patrolling Programme (BP3)***

Pelaksanaan *Biodiversity Protection And Patrolling Programme (BP3)* adalah melibatkan pengukuhan kerjasama strategik antara Jabatan PERHILITAN dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Program BP3 ini juga telah dicadangkan untuk dilaksanakan setiap tahun bagi membasmi jerat-jerat haram yang telah dipasang oleh pemburu-pemburu haram dan aktiviti pencerobohan hutan secara haram di dalam HSK. Pendekatan pergerakan yang akan digunakan adalah pengawalan kawasan operasi secara menyeluruh di semua kawasan *Hotspot*, di mana setiap kawasan ini akan mempunyai kehadiran anggota penguatkuasaan.

Bagi keperluan tambahan tenaga kerja dalam menampung kakitangan yang terhad dari PERHILITAN dan JPSM/JPN, pelantikan Orang Asli (OA) dalam program BP3 ini adalah diperlukan dan dapat membantu keperluan tambahan bagi kerja-kerja penguatkuasaan tersebut. Selaras dengan perkara ini, mesyuarat khas penyelarasan Program BP3 telah diadakan melibatkan JPNPK bersama PERHILITAN dan Jabatan/Agensi berkaitan dalam memutuskan perkara utama program ini. JPNPK telah mengemukakan kertas kerja berhubung Perlaksanaan Program BP3 ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada Januari 2021.

MMK Negeri Perak telah bersetuju perlaksanaan BP3 ini dijalankan mengikut kepada keputusan yang dibuat. Perlantikan Orang Asli bagi Program BP3 ini adalah sebagai pembantu penguatkuasa dan diuruskan pihak PERHILITAN manakala JPNPK pula akan bertindak dalam penempatan Orang Asli dan tugas yang akan dilaksanakan. Seramai lebih kurang 20 Orang Asli telah dipersetujui untuk lantikan oleh pihak PERHILITAN. Sehingga tahun 2021

perlaksanaan BP3 melibatkan JPNPk dan kawasan HSK masih belum dijalankan memandangkan pihak PERHILITAN sedang dalam tindakan perlantikan Orang Asli dan penyelarasan. Jadual perlaksanaan BP3 melibatkan JPNPk pada tahun 2022 dan seterusnya sedang diselaraskan oleh pihak PERHILITAN.

### **6.7 Program *Smart Patrolling* di bawah Kerjasama Yayasan Khazanah dan RIMAU serta Jabatan Perhutanan Negeri Perak**

Program *Smart Patrolling* merupakan satu projek penguatkuasaan dan pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama NGO RIMAU dan Yayasan Hasanah.

Projek kerjasama di antara NGO Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU) dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah bertujuan bagi membentras aktiviti pemburuan haram terutama harimau daripada memasuki hutan Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Temengor melalui penubuhan Pasukan Peronda Hutan yang melibatkan masyarakat Orang Asli yang terlatih dan berkelengkapan yang berpangkalan di Hutan Simpan Amanjaya (PL2) juga merupakan jalinan/rangkaian ekologi di dalam Pelan Induk *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak. Objektif projek juga bertujuan untuk membentuk kerjasama secara fizikal dengan negeri lain serta agensi persekutuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Hulu Perak untuk membentuk *task force* bagi memastikan jalinan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam rondaan dan pemantauan bagi pemuliharaan kawasan seluas 426,366 hektar di negeri Perak.

Projek ini akan melibatkan penubuhan Pasukan Peronda Hutan yang diketuai oleh seorang Penyelaras yang berpengetahuan tentang keadaan dan isu dihadapi Harimau Malaya. Penyelaras akan bekerja rapat dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk), Perbadanan Taman Negeri Perak, PERHILITAN dan lain-lain agensi kerajaan yang berkenaan.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah mengambil maklum bahawa kerjasama antara JPNPk dengan Yayasan Hasanah bagi projek yang melibatkan pengurusan Hutan Simpanan Kekal (HSK) iaitu dengan melindungi Hutan

Simpan Amanjaya melalui rondaan oleh komuniti Orang Asli di bawah Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU).

Projek yang dijalankan ini akan melibatkan NGO di mana perlantikan NGO akan dipersetujui secara bersama antara pihak Jabatan Perhutanan Negeri dan Yayasan Hasanah.

## 7. ***Central Forest Spine (CFS)***

Di Negeri Perak, terdapat 8 koridor ekologi *Central Forest Spine* yang telah ditubuhkan melibatkan 5 Rangkaian Utama (*Primary Linkage*) dan Rangkaian Sekunder (*Secondary Linkage*) dengan keseluruhan luas kawasan koridor 57,155 hektar yang melibatkan pelbagai status guna tanah seperti kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik. 8 rangkaian koridor ekologi CFS di Negeri Perak melibatkan A-PL1 HS Temengor - HS Amanjaya - HS Belum (24,835 ha); A-PL2 HS Padang Chong - HS Sungai Kuak - HS Lapang Ninering (7,600 ha); A-PL3 HS Belukar Semang - HS Kenderong - HS Bintang Hijau (16,542 ha); A-PL4 HS Bintang Hijau (Larut & Matang) - HS Bintang Hijau (Hulu Perak) (3,649 ha); A-PL5 HS Bukit Larut - HS Bubu (202 ha); A-SL1 HS Bintang Hijau (Hulu Perak) - HS Papulut - HS Piah (3,642 ha); A-SL2 HS Bujang Melaka - HS Bukit Tapah - HS Bukit Kinta (297 ha) dan A-SL3 HS Bubu - Hutan Paya Laut Matang (387 ha).

Bagi menggerakkan pelaksanaan CFS selepas diluluskan pada tahun 2010, satu Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS telah disediakan di bawah RMK-10 bagi tempoh perancangan 2010 – 2025. Pelan Induk Rangkaian Ekologi - CFS 2010 merupakan satu inisiatif untuk menghubungkan, mengekalkan dan memulihara baki kawasan hutan utama di Semenanjung Malaysia agar wujud satu rangkaian fizikal hutan yang bersambungan di seluruh kawasan CFS. Pelan induk ini telah mengenal pasti keperluan rangkaian ekologi bagi menghubungkan kawasan hutan atau pulau hutan yang telah terpisah akibat fragmentasi, memperkuatkan rangkaian kawasan dilindungi dan membantu memelihara kesihatan ekosistem (termasuk populasi hidupan liar). Rangkaian ekologi merupakan kawasan penglibatan aktif yang diperlukan untuk mewujudkan semula kesinambungan (connectivity) di dalam kawasan CFS.

Kini, selepas hampir 10 tahun pelaksanaan CFS, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia) sebagai penggubal dasar dan program tersebut, telah mengenalpasti keperluan untuk mengkaji semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi - CFS 2010. Kebanyakan maklumat kawasan rangkaian ekologi berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi - CFS 2010 tidak lagi menggambarkan keadaan sebenar di lapangan. Pelan Induk ini perlu dikemas kini berdasarkan pemetaan guna tanah dan maklumat asas terkini bagi menentukan rangkaian ekologi hutan yang sesuai terutama bagi laluan hidupan liar. Penyediaan Pelan Induk yang dikemaskini juga dapat memastikan bahawa CFS boleh dilaksanakan, strategi dan inisiatifnya berdaya laksana, dan seterusnya dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Pada tahun 2019, PLANMalaysia bersama pasukan perunding yang telah dilantik telah memulakan proses pengkajian semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi - CFS 2010. Laporan Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS yang siap akan dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri untuk diluluskan bagi diterimapakai di peringkat negeri dan seterusnya akan diangkat kepada Majlis Jemaah Menteri untuk diluluskan. Pelan Induk Rangkaian Ekologi 2.0 disediakan bagi tempoh 2021 – 2035 dan merangkumi pelbagai strategi dan inisiatif yang berdaya laksana mengambil kira keadaan semasa koridor-koridor ekologi. Kementerian-kementerian pemantau dan agensi-agensi pelaksana juga telah ditingkatkan supaya lebih menyeluruh.

Bagi Negeri Perak, satu Pelan Induk CFS Negeri Perak 2021 – 2030 juga telah disediakan oleh JPnP oleh perunding yang dilantik. Ini adalah selaras dengan saranan Pihak Kerajaan Persekutuan agar setiap negeri yang terlibat dengan CFS mempunyai Rancangan Pengurusan Bagi Pemeliharaan dan Pemuliharaan Rangkaian Ekologi CFS di negeri masing-masing. Anggaran kos bagi melaksanakan strategi-strategi yang digariskan dalam pelan ini bagi tempoh sepuluh tahun (2021 – 2030) adalah lebih kurang RM 346 juta.

Penyediaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2.0 dan Pelan Induk CFS Negeri Perak 2021 – 2030, adalah penting untuk memastikan terdapat satu sistem dan cara kerja yang optimum bagi pelaksanaan dan tadbir urus CFS di Negeri Perak ini, di mana tanpa kewujudan sistem tersebut, pelaksanaan CFS

akan menjadi sukar, dan matlamatnya tidak akan tercapai. Ketiadaannya sistem yang baik dan cara kerja yang optimum akan menyebabkan pelaksanaan CFS Negeri Perak antara yang lemah, sama seperti keputusan penilaian bagi tempoh 2010 – 2025 yang dijalankan sebelum ini.

Program CFS di Negeri Perak juga telah berjaya menarik minat pihak antarabangsa dan *NGO* melalui dua projek yang kini sedang berlangsung di Negeri Perak iaitu Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine* (IC-CFS) yang menerima peruntukan daripada *Global Environmental Facility* (GEF) melalui *United Nations Development Programme* (UNDP) bagi tempoh 3 tahun dan Projek Penilaian Perkhidmatan Ekosistem Koridor Ekologi CFS menggunakan *Toolkit for Ecosystem Service Site-Based Assessment* (TESSA) melalui *Southeast Asia Rainforest Research Partnership* (SEARPP) juga tempoh pelaksanaannya selama 3 tahun.

Bagi meningkatkan penguatkuasaan bersepada dengan agensi lain terutamanya Jabatan PERHILITAN, JPNPK telah menjalankan satu operasi perintis sistem *Spatial Monitoring and Reporting Tool* atau lebih dikenali sebagai SMART yang juga merupakan salah satu aktiviti di bawah Projek IC-CFS. Pegawai-pegawai yang telah terlibat dengan operasi ini juga telah menghadiri kursus penyelarasan data model dan latihan sebelum aktiviti dijalankan. Projek Perintis SMART ini telah menepati output 1.2.4 Projek IC-CFS.

Di samping itu, perlaksanaan projek yang dilaksanakan di bawah Projek IC-CFS termasuk Kajian *Total Economic Evaluation* dan Bayaran Perkhidmatan Ekosistem (PES) juga telah menepati output-output projek tersebut seperti Penilaian Kaedah Pemulihan Kawasan Terosot (Output 2.2.1), Program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) (Output 2.2.1), Bengkel Perwartaan HTK ke HSK bagi Koridor Ekologi CFS (Output 2.2.2) dan Garis Panduan Bagi Pembelian Anak Pokok daripada Komuniti Tempatan (Output 2.3.1).

Dalam konteks ini, semua pihak berkepentingan yang terlibat di peringkat Negeri Perak telah bersetuju memberikan komitmen secara lebih menyeluruh untuk menjamin perlaksanaan CFS berjalan dengan lancar dan membuaikan

suatu pencapaian yang boleh dibanggakan. Pendekatan yang holistik dalam perancangan dan pengurusan kompleks hutan dan rangkaian ekologi serta kawasan sekitarnya adalah sangat penting bagi mencapai wawasan dan objektif Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS ini iaitu untuk menyambung empat kompleks hutan bagi menjamin pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Pelaksanaan projek kawasan ekologi *Central Forest Spine* (CFS) di Negeri Perak telah menerima peruntukan pembangunan kewangan daripada tiga punca peruntukan iaitu Peruntukan Pembangunan Persekutuan (P23), Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) dan Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Dari tahun 2016-2020, sejumlah RM 2,296,580.00 peruntukan telah diterima dan daripada peruntukan tersebut sejumlah RM 1,776,655.16 telah dibelanjakan. Peruntukan kewangan yang diterima telah digunakan bagi kerja-kerja seperti pemasangan papan tanda, menanda dan mencuci kawasan sempadan, membekal pokok dan anak pokok bagi tujuan pemulihan, kerja membina stor dan tapak semaian dan penyediaan pelan induk. Bagi tahun 2021, Negeri Perak telah menerima peruntukan sejumlah RM400,000 bagi tujuan menaiktaraf infrastruktur ekologi *Central Forest Spine* (CFS) PL 2 (menara tinjau dan lain-lain kerja berkaitan) dan RM100,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan dan rawatan tanaman di koridor ekologi seluas 20 hektar.

## **8. Peningkatan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVA)**

Penubuhan Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVA) di negeri Perak telah menunjukkan prestasi yang membanggakan di mana jumlah kawasan yang ditubuhkan telah meningkat daripada lima (5) kawasan pada tahun 2015 kepada 13 kawasan dalam tahun 2020 dengan meliputi kawasan seluas 134 hektar yang meliputi spesies-spesies terancam dan endemik di negeri Perak. Keperluan penubuhan kawasan HCVA adalah selaras dengan keperluan pensijilan pengurusan hutan yang terdapat dalam Prinsip 9 MC&I (SFM) dan juga selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 8 Tahun 2015 iaitu Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kawasan Hutan

Mempunyai Nilai Pemuliharaan yang Tinggi (HCVA) dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia.

## **9. Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Matang 2020 – 2029 Jabatan Perhutanan Negeri Perak**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menyediakan Dokumen Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang 2020–2029 bagi Edisi Ketujuh Sepuluh Tahun Kedua Pusingan Ketiga. Dokumen ini pada dasarnya merujuk kepada pendekatan dan pengekalan konsep sedia ada di dalam rancangan kerja sebelum ini daripada segi pengezonan, silvikultur dan perancangan tebangan akhir serta kumpulan tebangan perantaraan di mana semua bab yang terkandung dalam dokumen ini merupakan kesinambungan kepada dokumen sebelum ini namun ianya telah dikemaskini dan diperluaskan mengikut kesesuaian semasa.

Antara maklumat baharu yang dimasukkan dalam rancangan kerja ini ialah berkaitan produk arang putih sebagai salah satu hasil utama daripada Hutan Paya Laut Matang. Ini adalah inisiatif daripada JPNPk untuk mempertingkatkan produktiviti industri arang serta menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan dalam industri ini.

Dokumen RKHPL Matang 2020–2029 ini akan dijadikan sebagai panduan rancangan kerja hutan paya laut bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2020 sehingga 2029 agar pengurusan dan pembangunan Hutan Paya Laut Matang terus seimbang daripada segi alam sekitar, sosioekonomi, pengusaha-sililan, hasil hutan lain dan perkhidmatan ekosistem seiring dengan konsep dan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB).

## **10. Aktiviti Eko-Pelancongan Menunjukkan Peningkatan Jumlah Pengunjung dan Kutipan Fi Yang Memberangsangkan**

Kunjungan pelancong di kawasan ekopelancongan di bawah pengurusan JPNPk telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dan jumlah kutipan fi masuk dan fi perkhidmatan sewaan sejak tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan, kecuali tahun 2020 akibat pandemik Covid-19. Sebagai contoh, kutipan fi masuk untuk Taman Eko-

Rimba Kuala Woh pada tahun 2019 meningkat 39% berbanding tahun 2015 dan kutipan fi masuk untuk Taman Eko-Rimba Lata Kinjang pada tahun 2019 meningkat 49% berbanding tahun 2015.

Selain itu, dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membangunkan sebuah sistem permohonan permit dan sewaan kemudahan Taman Eko-Rimba secara atas talian (*on-line*) yang dikenali sebagai e-permit dan telah mula digunakan sepenuhnya oleh orang awam mulai 1 Januari 2019. Pada tahun 2020, Jabatan ini telah menambahbaik fungsi sistem untuk membolehkan pembayaran fi permit dan sewaan kemudahan Taman Eko-Rimba juga dilaksanakan secara atas talian dengan hasrat kualiti penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat/pengguna dapat ditingkatkan. Sistem ini merupakan kerjasama pintar di antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama Ambank Islamic Berhad. Pada 2 April 2021, kaedah pembayaran secara atas talian atau dikenali sebagai *Jompay* ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Sistem ini dipercayai akan menjadi suatu peranti yang menyatakan komitmen, kerjasama dan sokongan Jabatan ini di dalam mengurus dan memberi perkhidmatan yang cekap kepada sasaran utama iaitu pelanggan/orang awam yang berurusan dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Sistem ini juga diyakini dapat mempertingkatkan ketelusan dan integriti dalam perkhidmatan awam di samping ke arah pemodenan kerajaan berelektronik dalam perkhidmatan awam. Sistem e-permit dan *Jompay* akan memberi faedah dalam bentuk:

- Pelanggan boleh memperoleh maklumat berkaitan kawasan dan perkhidmatan yang disediakan secara atas talian (*on-line*);
- Memudahkan proses maklumbalas serta kelulusan terhadap permohonan;
- Memudahkan pengawalan dan pemantauan setiap permohonan;
- Merekodkan statistik dan data kemasukan orang awam bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kesalahan memasuki HSK tanpa kebenaran;

- Mengawal had daya tampung (*Carrying Capacity*) kawasan dalam satu-satu masa;
- Menjadikan proses kerja dan penyampaian perkhidmatan lebih cekap dan mesra pelanggan; dan
- Urusan cetakan permit dapat dibuat secara atas talian antara orang awam dan pihak pentadbir.

Satu Siar Warta No. 462 bertarikh 7 Mac 2012 telah mewarta keluar HSK Bukit Tapah termasuk Taman Eko-Rimba (TER) Lata Kinjang dengan keluasan 92.24 ha dengan rujukan PW 2071. HSK tersebut telah diwarta keluar bagi kegunaan Orang Asli yang mana telah dimohon oleh JAKOA Perak. Susulan arahan warta keluar HSK tersebut, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan susulan bagi memohon agar kawasan tersebut diwarta masuk semula sebagai HSK.

Ini kerana, sejak awal penubuhan TER Lata Kinjang sehingga tahun 2021, urusan pentadbiran, pengurusan dan penyelenggaraan TER Lata Kinjang adalah dilaksanakan sepenuhnya oleh JPNPk. JPNPk juga telah membina serta menaiktaraf banyak infrastruktur dan melantik Kontrak Pembersihan Kawasan bagi penyediaan sebuah kawasan rekreasi yang selesa, bersih dan selamat kepada pengunjung. Untuk makluman, majoriti kos yang digunakan bagi tujuan naiktaraf dan selenggara TER Lata Kinjang adalah menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Satu Mesyuarat Penyelaras Taman Eko-Rimba Lata Kinjang telah diadakan pada 1 Disember 2021 bertempat di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak telah diadakan yang dihadiri oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan halatuju dan pengurusan Taman Eko-Rimba Lata Kinjang.

Hasil mesyuarat tersebut, Kerajaan Negeri memutuskan agar agensi bertanggungjawab bagi pengurusan TER Lata Kinjang diserahkan kepada JAKOA Perak/Kedah memandangkan status kawasan tidak lagi diwartakan sebagai HSK.

## 11. Potensi Hasil Hutan Bukan Kayu

Hasil hutan bukan kayu seperti tertakluk kepada Seksyen 2(1) Akta Perhutanan Negara (1984) meliputi batu-batan, buluh, rotan, herba dan lain-lain. Daripada jenis-jenis hasil hutan bukan kayu, kutipan hasil daripada pengeluaran batu daripada kuari adalah paling tinggi jika dibandingkan dengan kutipan hasil hutan bukan kayu yang lain-lain. Purata kutipan hasil batuan selama 4 tahun dari 2017 hingga 2020 adalah RM 8 Juta, meningkat 45% berbanding purata kutipan hasil batuan selama 4 tahun dari 2013 hingga 2016 (RM5.5 Juta).

## 12. Pengurusan Bajet Yang Berhemah

Pengurusan JPNPk berjaya memastikan tidak berlaku variasi atau perbezaan yang ketara di antara anggaran dan perbelanjaan sebenar bagi Perbelanjaan Mengurus (B25) dari tahun 2016 hingga 2020. Pengurusan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan Perbelanjaan Pembangunan (P07) sepanjang tahun 2016 hingga 2020 agak mencabar atas faktor luaran yang di luar bidang kuasa pengurusan JPNPk. Namun, pencapaian yang boleh dibanggakan ialah kutipan hasil yang sebenar melebihi anggaran hampir sekali ganda. Kutipan sebenar dari tahun 2016 hingga 2020 ialah RM287.78 juta berbanding anggaran RM154.5 juta, iaitu melebihi RM133.28 juta.

## 13. Zon Pembangunan Ladang Hutan

Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah satu projek yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) untuk tujuan komersial. Tujuan utama pembangunan ladang hutan adalah menggantikan kawasan hutan miskin bagi meningkatkan daya pengeluaran kawasan tersebut, mengurangkan import kayu-kayan, menghijaukan alam sekitar dan meningkatkan kualitinya, mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai sumber bahan mentah dan memastikan ketersediaan berterusan bagi industri kayu tempatan dan eksport.

Projek ini diusahakan oleh syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh masa yang panjang. Setiap aktiviti bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan dipantau agar mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kaedah-Kaedah Hutan 1988,

Peraturan-Peraturan Hutan dan dasar perhutanan serta pindaan-pindaan semasa.

#### **14. Program Hutan Sosial**

Program perhutanan sosial merupakan aktiviti pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan dengan penglibatan dan kerjasama erat antara Jabatan bersama komuniti setempat. Matlamat kerjasama adalah untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dan dalam masa yang sama meningkatkan kelestarian hutan selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2020. Antara aktiviti yang berkaitan adalah pengumpulan, pemprosesan dan pemasaran produk hutan bukan kayu serta pembangunan ekopelancongan yang berpotensi menyumbang kepada peluang pekerjaan, penjanaan pendapatan seterusnya mengurangkan jurang ekonomi. Tiga unsur utama dalam perhutanan sosial adalah masyarakat setempat, sumber hutan dan agensi berkepentingan.

## Cadangan dan Justifikasi

### 1. Penyusunan semula strategi selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2020.

Adalah disarankan pihak JPNPk mengambil tindakan menyeluruh bagi menyemak semula semua strategi pelaksanaan berdasarkan kepada objektif, teras dan strategi selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2020.

### 2. Pematuhan Pensijilan Pengurusan Hutan

JPNPk disyorkan mengambil tindakan mengemaskini garis panduan "*Guideline for Reduced Impact Logging in Peninsular Malaysia 2003*". JPNPk disyorkan untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Ibu Pejabat JPSM untuk mengemaskini garis panduan "*Guideline for Reduced Impact Logging in Peninsular Malaysia 2003*" dan menyediakan garis panduan yang lebih kemas dan menyeluruh.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak disarankan mengadakan latihan secara berterusan untuk meningkatkan kecekapan kepada kakitangan jabatan, kontraktor pembalakan dan pekerja dalam aspek pematuhan keperluan piawaian MC&I khususnya pematuhan garis panduan *R/L*.

### 3. Pengukuhan Semula Organisasi Jabatan

Dasar Perhutanan Malaysia 2020 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020 memberi tumpuan dan penekanan kepada pengurusan hutan secara berkekalan di dalam kerangka 'Perak Bumi Lestari' dan 'Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030'. Aspek-aspek yang diberi tumpuan meliputi pengekalan keluasan HSK, pengurusan hutan daripada aspek pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaiannya biologi di dalam HSK. Di samping itu juga, penjanaan sumber kekayaan baru daripada segi ekopelancongan, pembayaran perkhidmatan ekosistem dan industri perkayuan. Turut diberi tumpuan ialah pemeliharaan kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan dan seterusnya, memupuk masyarakat yang mencintai khazanah hutan negara.

Pengukuhan semula ini perlu diberi perhatian segera bagi membolehkan JPNPk mengurus hutan secara lestari. Dengan keadaan di mana pengurusan hutan adalah lebih kompleks dan pelbagai, beban dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan telah meningkat berlipat ganda yang melebihi kemampuan sedia ada. Pada masa kini dan akan datang, tugas pegawai dan kakitangan adalah semakin mencabar dan tidak hanya tertumpu kepada pengeluaran kayu balak sahaja.

JPNPk disyorkan di dalam aspek pengukuhan semula organisasi hendaklah meliputi kenaikan gred jawatan beberapa jawatan di Pejabat Negeri dan Pejabat Hutan Daerah. Sebagai contoh, gred jawatan bagi Pegawai Hutan Daerah disyorkan kenaikan kepada gred G48 bagi Daerah Hulu Perak dan Kuala Kangsar, manakala Penolong Pegawai Hutan Daerah bermula pada gred G41/44. Hal ini diusulkan berikutan meningkatnya tanggungjawab dan beban kerja pegawai dalam bidang perhutanan di Pejabat Hutan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah.

#### **4. Kawasan Kebelakangan**

Kawasan kebelakangan yang besar memberi implikasi kepada proses dan kejayaan pelaksanaan pengurusan hutan secara lestari bagi jangka panjang. Tanpa rawatan silvikultur yang sesuai akan menimbulkan keraguan kepada kadar pertumbuhan hutan bagi memenuhi keperluan membekalkan kayu dan perkhidmatan ekosistem di pusingan seterusnya.

Bagi mengatasi keadaan ini JPNPk mencadangkan satu inventori baru di peringkat pengurusan hutan (*Forest Management Level Inventory*) hendaklah dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran dan status keseluruhan kawasan kebelakangan dari komposisi spesies, stok, keadaan taburan semua pokok mengikut kelas tumbesaran dan tumbuhan palma, buluh, rotan dan lain lain tumbuhan. Inventori ini boleh dinamakan sebagai Inventori Pemulihan Hutan atau *Regenerating Forest Inventory* (RFI).

#### **5. Plot Kajian Tumbesaran**

Di Negeri Perak, terdapat 13 plot kajian tumbesaran yang ditubuhkan di beberapa hutan simpan bagi menilai status hutan yang telah diusahasalikan mengikut sistem pengurusan memilih (SMS). Tujuan utama penubuhan plot

kajian ini adalah untuk menentukan status spesies, kadar pertumbuhan dan taburan saiz kelas. Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan mengambil tindakan dengan mengadakan kerjasama bersama Bahagian Pengurusan Hutan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mengemaskini analisis dan data yang telah dikumpul.

## **6. Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVA)**

JPNPk akan berusaha untuk menyediakan rancangan pengurusan yang khusus merangkumi keseluruhan kawasan *HCVA* secara berperingkat selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 8 Tahun 2015 iaitu Panduan Penubuhan dan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemuliharaan yang Tinggi (HCVF) dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia.

## **7. Hutan Simpanan Hutan Dara [*Virgin Jungle Reserve (VJR)*]**

JPNPk akan berusaha untuk menjalankan inventori flora dan fauna di kawasan *VJR* secara berperingkat selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 1 Tahun 2013. Dicadangkan penubuhan kawasan *VJR* diperluaskan ke beberapa jenis-jenis hutan seperti Hutan Dipterokarpa Bukit, Hutan Dipterokarpa Atas, Hutan Pergunungan, Hutan Pergunungan Atas (*Ericaceous forest*) dan Hutan Bukit Batu Kapur.

## **8. Penglibatan Orang Asli dan Masyarakat Tempatan**

Bagi mempertingkatkan penglibatan Orang Asli dan masyarakat tempatan, selaras dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020 JPNPk akan mengukuhkan mekanisme pengurusan bersama (*co-management*) antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat tempatan.

## **9. Aspek Alam Sekitar**

Pihak JPNPk telah mengambil inisiatif untuk memenuhi aspek alam sekitar seperti penyediaan laporan *EIA*, pengurusan hutan kawalan banjir dan pengurusan tадahan air dengan memasukkan maklumat asas seperti iklim, geologi dan pola guna tanah.

Setakat yang dilaporkan, 25 laporan *EIA* telah disediakan untuk projek ladang hutan di negeri Perak dan ini merupakan satu amalan dan prosedur yang

dinyatakan dalam Akta Alam Sekeliling 1974. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan laporan pemantauan telah disediakan oleh pemaju projek melalui perunding yang dilantik. JPNPk dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah membuat pemantauan pematuhan syarat-syarat kelulusan *EIA* dalam tahun 2021.

Hutan Kawalan Banjir (HKB) merupakan salah satu daripada kelas fungsi kegunaan hutan bagi HSK sebagaimana keperluan di bawah Seksyen 10(1)(d), Akta Perhutanan Negara 1984. HKB ialah kawasan hutan yang berfungsi sebagai badan yang berkeupayaan menerima, menyimpan, melepaskan dan mengawal kuantiti air bagi tujuan pengawalan banjir.

JPNPk telah mengenal pasti 287,534.00 hektar kawasan yang dikhususkan sebagai hutan kawalan banjir yang juga merangkumi kawasan tadahan air untuk memastikan tahap kualiti dan kuantiti air yang terjamin.

JPNPk telah mewartakan kawasan HSK seluas 159,866.00 hektar pada 20 Ogos 2007 sebagai kawasan tadahan air yang membekalkan sumber air larian permukaan dan aliran dasar ke sistem sungai dalam kawasan tadahan untuk memastikan pembekalan air yang berterusan dan berkualiti tinggi. JPNPk telah berusaha untuk mewartakan keluasan seluas 135,534 hektar sebagai kawasan hutan tadahan air menjadikan jumlah keseluruhan kepada 295,400 hektar.

PLANMALAYSIA, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan (GPPPP) dalam tahun 2017 dengan bertujuan untuk pengawalan dan pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). GPPPP telah mengelaskan KSAS dan Kriteria Pengurusan kepada tiga tahap iaitu Tahap 1,2 dan 3, Pihak JPNPk boleh menasihati Kerajaan Negeri untuk membentuk Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKSAS) bagi membantu PBT mengawal sebarang bentuk pembangunan dan seterusnya dapat memelihara KSAS yang boleh memberi kesan kepada kawasan hutan.

JPNPk telah mengadakan aktiviti pemantauan aspek alam sekitar dan ini penting untuk memastikan kesinambungan pengumpulan maklumat alam sekitar. JPNPk akan memperuntukkan kewangan untuk melatih kakitangan yang berkaitan dalam bidang analisis data atau maklumat alam sekitar, agar

maklumat dan usaha JPNPk boleh diterjemahkan dalam bentuk impak hasil daripada program yang berkaitan yang dijalankan.